

**DOCX.MY**

**BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,  
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 [www.docx.my](http://www.docx.my)



**DOCX.MY**

SENANG DOWNLOAD

## KAD DISKAUN SISWA BAKAL DIPERKENALKAN



Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk mengenalkan semula kad diskaun kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) sebagai usaha untuk membantu meringankan beban dan menjaga kesejahteraan golongan tersebut.

Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, menyatakan bahawa perbincangan akan dijalankan bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam masa terdekat.

Beliau menjelaskan, walaupun perkara ini berada di luar bidang kuasanya, idea ini boleh dilaksanakan seperti banyak program Rahmah

yang telah dilaksanakan untuk pelajar, contohnya menu makanan berharga di bawah RM5.

"Program-program ini telah diadakan untuk memudahkan mereka mendapatkan makanan di universiti, dan juga terdapat 'food bank' bagi mereka yang memerlukan bantuan untuk mendapatkan barangan tertentu secara percuma," katanya dalam sidang akhbar Program Jelajah Rahmah dan Townhall Menteri KPDN Bersama Rakyat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Seri Iskandar pada Sabtu.

Sebelum ini, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDS1M) telah diwujudkan sebagai kad debit, ATM, dan diskaun sehingga 60 peratus untuk pelbagai produk yang ditawarkan kepada pelajar IPT.

Selain itu, Salahuddin juga menyatakan bahawa kerajaan berhasrat untuk terus meneruskan Jualan Rahmah di kesemua 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara secara bergilir-gilir untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. - Bernama